

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	423 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 5,562	PR Value	RM 16,686



## Mentadbir urus peningkatan penduduk

**B**ILANGAN penduduk yang ramai menjadi idaman mana-mana negara. Dengan populasi penduduk yang tinggi, sesebuah negara akan kelihatan lebih kuat. Kekuatan terpancar apabila lebih ramai anggota tentera terlatih, pakar strategi perang dan berkemahiran tinggi mampu dimiliki. Misalnya, China memiliki saiz anggota tentera yang begitu ramai yang secara tidak langsung boleh menggerunkan mana-mana negara di dunia termasuklah kuasa besar.

Jumlah penduduk yang besar juga memperluaskan pasaran ekonomi bagi negara seperti China. Sebab itulah kita boleh lihat banyak negara sedang berusaha meningkatkan dagangan dengan China.

Populasi tinggi juga mudah melahirkan ramai jagoan sukan, cerdik pandai dan cendekiawan bertaraf dunia. Jelas setiap kali Sukan Olimpik, negara sebegini yang menguasai carta pungutan pingat emas. Dahulu persaingan antara Kesatuan Soviet Union dan juga Amerika Syarikat (AS), tetapi kini China juga bersaing menjuarai carta pungutan pingat emas.

Itu belum dikira bilangan jutawan dan bilionair yang juga semakin ramai di negara terbabit. Apabila semakin ramai jutawan dan hartawan, maka sudah tentulah ekonomi negara berkenaan akan semakin kukuh dengan peningkatan hasil dan pergerakan ekonomi.

Bukan itu sahaja, hartawan dan jutawan yang ramai ini mampu melebarkan sayap perniagaan ke mana-mana negara di dunia. Secara tidak langsung, melebarkan jaringan perdagangan antara individu dan negara. Reputasi negara berkenaan juga akan semakin tinggi di persada dunia.

Dengan reputasi yang tinggi lebih ramai individu dan negara lain yang yakin untuk berniaga dengan individu dan negara berkenaan. Kesannya, limpahan ekonomi akan berlipat kali ganda sehinggakan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan terhidang buat negara berkenaan. Maka, semakin kuatlah negara berkenaan. Namun, semuanya ini akan lebih jelas kelihatan jika negara yang memiliki populasi penduduk tinggi ini ditadbir urus dengan

baik.

Dengan kata lain, jika tersilap tadbir urus, kesan negatif pula yang akan berlaku. Misalnya, isu pencemaran yang melanda dunia kini juga dipengaruhi oleh peningkatan populasi yang semakin meningkat. Hal ini kerana apabila semakin ramai yang menggunakan kenderaan, pelepasan asap daripada kenderaan juga berlipat kali ganda. Jadi,

mahu tidak mahu, alternatif perlu dicari seperti memastikan sistem pengangkutan awam yang cekap bagi menampung peningkatan jumlah populasi.

Jika sistem pengangkutan awam masih di takuk lama, walhal jumlah penduduk semakin meningkat, sudah tentulah lebih ramai memilih untuk menggunakan kenderaan sendiri. Tidakkah ini akan menyebabkan kesesakan luar biasa? Kesannya, banyak masa terbuang di jalan raya sedangkan masa cukup bernilai dalam mempertingkatkan produktiviti sesebuah negara.

Itu baharu contoh pencemaran udara. Belum lagi melibatkan pencemaran lain seperti pencemaran air daripada kilang. Permintaan terhadap perumahan juga semakin tinggi. Jika tidak kena gayanya, pembukaan kawasan perumahan baharu akan menyebabkan keadaan alam sekitar lebih panas dan banjir mudah berlaku.

Malah, kawasan yang dahulu tidak diterokai mula dibuka secara besar-besaran demi pembangunan komersial. Tidak salah menjalankan pembangunan. Yang salahnya, apabila pembangunan itu tidak seiring dengan kelestarian alam sekitar. Kira-kira 20 tahun lalu, mungkin kita terlalu teruja untuk membangunkan apa sahaja sehingga terlupe bahawa alam sekitar mula bertindak balas terhadap kita. Maka, selepas berlakunya pelbagai bencana seperti banjir besar, banjir kilat dan jerebu, episod tuding-menuding berlaku.

Populasi yang semakin meningkat juga akan menyebabkan permintaan kepada sektor kesihatan semakin ketara. Kerajaan terpaksa membina lebih banyak hospital untuk menampung pesakit. Namun, bukan semua penduduk mampu ditampung oleh hospital kerajaan. Hal ini berlaku kerana kos membina sebuah hospital cukup tinggi. Ini belum termasuk kos operasi hospital yang memberi impak terhadap perbelanjaan kerajaan.

Kesannya, ramai yang terpaksa beralih ke hospital swasta meskipun sedar kosnya cukup mahal. Tiada masalah bagi yang kaya-raya. Sebaliknya, golongan yang kurang berada, sudah tentu akan merasai keperitannya. Mereka akan terpaksa menanggung hutang perubatan yang tinggi sehingga boleh menyebabkan muflis. Lebih-lebih lagi, pada masa ini, kos sara hidup turut meningkat berlipat kali ganda.

Inilah yang paling dibimbangkan apabila ramai yang muflis ekoran mengalami masalah kewangan yang teruk sehingga menyebabkan kekuatan sesebuah negara semakin lemah. Maka, dalam hal ini, kadar hutang isi rumah wajar ditadbir urus dengan baik seiring dengan peningkatan populasi penduduk. Isu ini tidak boleh dipandang remeh kerana kesannya bukan kepalang. Krisis kewangan Asia 1997/98, krisis subprima di AS dan krisis hutang Eropah 2010 sudah cukup memberi iktibar bahawa hutang yang tinggi yang tidak mampu dibayar oleh peminjam boleh memberi impak besar ke atas kekuatan sektor ekonomi sesebuah negara.

Justeru, dalam hal ini, meskipun peningkatan jumlah penduduk boleh memberi kesan positif ke atas sesebuah negara, namun, hal ini hanya dapat direalisasikan sekiranya peningkatan populasi ini ditadbir urus dengan baik. Dengan ini, manfaat jangka masa panjang bakal dirasakan

Headline	Mentadbir urus peningkatan penduduk		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	423 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 5,562	PR Value	RM 16,686

oleh semua pihak.

**DR. ROHAMI SHAFIE** ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Kolej Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia.



**Bilangan populasi**

**yang ramai juga akan melahirkan lebih ramai jagoan sukan, cerdik pandai dan cendekiawan bertaraf dunia. Jelas kelihatan,**

**setiap kali Sukan Olimpik, negara sebegini kerap kali menguasai carta tertinggi pungutan pingat emas.**